



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**LAYANAN CUKAI KE ATAS STOK
PERDAGANGAN
BAHAGIAN II – PENGAMBILAN STOK

KETETAPAN UMUM NO. 3/2020**

TARIKH PENERBITAN: 3 JUN 2020



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**LAYANAN CUKAI KE ATAS STOK
PERDAGANGAN BAHAGIAN II –
PENGAMBILAN STOK**

**Ketetapan Umum No. 3/2020
Tarikh Penerbitan: 3 Jun 2020**

Diterbitkan oleh:

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi pertama

© 2020 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

LAYANAN CUKAI KE ATAS STOK
PERDAGANGAN BAHAGIAN II –
PENGAMBILAN STOK

Ketetapan Umum No. 3/2020
Tarikh Penerbitan: 3 Jun 2020

KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Pengenalan	2
5. Pengambilan Stok Perdagangan Untuk Kegunaan Sendiri	2
6. Pengambilan Stok Perdagangan Atas Sebab-Sebab Lain	5
7. Stok Perdagangan Diambil Secara Paksaan	7
8. Kemas Kini Dan Pindaan	8
9. Penafian	8

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menjelaskan layanan cukai terhadap pengambilan stok perdagangan dalam menentukan pendapatan larasan berhubung suatu perniagaan untuk tempoh asas bagi suatu tahun taksiran yang dijalankan oleh seseorang dalam Malaysia.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang telah berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2, 4C, perenggan 4(a), seksyen 21, 21A, 24 dan 28.

3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Nilai pasaran” berhubung dengan apa jua, bermaksud harga yang boleh diperolehi baginya jika diperniagakan antara pembeli dan penjual mengikut transaksi selengan.
- 3.2 “Orang” termasuk suatu syarikat, suatu kumpulan orang, suatu perkongsian liabiliti terhad dan suatu perbadanan tunggal.
- 3.3 “Hutang perdagangan” adalah hutang yang timbul daripada jualan barangan dan perkhidmatan dan telah diambil kira dalam pendapatan kasar perniagaan.
- 3.4 “Pendapatan larasan” daripada punca perniagaan seseorang bagi suatu tempoh asas untuk suatu tahun taksiran adalah pendapatan kasar daripada perniagaan tersebut ditolak semua perbelanjaan yang dibenarkan yang dilakukan di dalam menghasilkan pendapatan kasar di bawah peruntukan am dan peruntukan khas ACP.
- 3.5 “Perniagaan” termasuk profesion, pencarian dan perdagangan dan setiap pengilangan, usaha atau urusan yang bercorak perdagangan, tetapi tidak termasuk suatu penggajian.
- 3.6 “Stok perdagangan”, berhubung dengan suatu perniagaan, bermaksud apa-apa jenis harta, sama ada harta alih atau harta tak alih, yang terdiri daripada –
 - a) harta seperti mana yang dijual dalam arus perjalanan biasa perniagaan atau akan dijual jika ia telah matang atau jika pengilangannya, penyediaannya atau pembinaannya telah siap; atau

- b) bahan-bahan yang digunakan dalam pengilangan, penyediaan atau pembinaan apa-apa harta yang disebut dalam perenggan (a) di atas dan termasuk apa-apa kerja dalam proses.

3.7 "Tahun taksiran" bermaksud tahun kalendar.

3.8 "Tempoh asas" berhubung dengan seseorang, punca pendapatannya dan suatu tahun taksiran, iaitu tempoh asas berkenaan, jika ada, seperti mana yang ditentukan mengikut seksyen 21 atau 21A ACP.

4. Pengenalan

Keuntungan daripada jualan stok perdagangan dalam suatu perniagaan adalah diambil kira sebagai pendapatan kasar dari suatu perniagaan. Keuntungan itu boleh dalam bentuk tunai atau bersamaan dengannya atau secara hutang perdagangan. Apabila suatu item daripada stok perdagangan perniagaan diambil sama ada bagi kegunaan sendiri atau untuk sebab lain oleh orang yang menjalankan perniagaan itu, harga pasaran item tersebut pada masa ambilan adalah diambil kira sebagai pendapatan kasar perniagaan tersebut [subseksyen 24(2) dan 24(3) ACP].

5. Pengambilan Stok Perdagangan Untuk Kegunaan Sendiri

Stok perdagangan yang diambil daripada suatu perniagaan untuk kegunaan sendiri hendaklah dikira dan dinilai pada nilai pasaran [perenggan 24(2)(a) ACP].

5.1 Penilaian stok perdagangan yang diambil untuk kegunaan sendiri

Sekiranya seseorang yang menjalankan suatu perniagaan mengambil stok perdagangan perniagaannya untuk kegunaan sendiri, ambilan stok tersebut hendaklah -

- (i) diambil kira seolah stok perdagangan tersebut telah dijual; dan
- (ii) dinilai pada nilai pasaran pada masa pengambilan dan diambil kira sebagai pendapatan kasar orang itu dari perniagaan itu bagi tempoh berkenaan.

Contoh 1

Haris adalah pemilik tunggal bagi perniagaan pembekal daging kambing panggang. Setiap bulan beliau membawa pulang 5 kilogram daging kambing panggang bagi kegunaan peribadinya.

Oleh kerana daging kambing panggang adalah stok perdagangan perniagaan Haris, pada setiap bulan beliau perlu mengambil kira stok perdagangan yang diambil untuk kegunaan peribadi seolah-olah ia telah dijual. Harga pasaran daging kambing panggang pada masa pengambilannya adalah diambil kira sebagai

pendapatan kasar perniagaan itu bagi tahun taksiran berkenaan tertakluk kepada perenggan 24(2)(a) ACP.

Contoh 2

Nurul adalah pemilik tunggal bagi Batik Nurul Enterprise. Pada 1.12.2018, Nurul mengambil (dua) 2 helai kain batik daripada stok perdagangannya dan memberi batik tersebut kepada saudaranya sebagai hadiah perkahwinan. Nurul tidak membuat bayaran bagi pengambilan stok perdagangan tersebut. Nilai pasaran batik yang diambil dari stok perdagangan tersebut adalah RM2,000 sedangkan kos bagi material batik tersebut adalah RM1,000. Nurul telah mengambil kira stok perdagangan yang diambil daripada perniagaannya pada nilai kos.

Walaupun Nurul telah mengambil kira pengambilan (dua) 2 helai material batik daripada stok perdagangan pada nilai kos tetapi bagi tujuan cukai beliau hendaklah mengira pengambilan tersebut pada amaun bersamaan dengan nilai pasaran material tersebut iaitu RM2,000 dan bukannya pada nilai kos. Nilai pasaran material itu dikira sebagai pendapatan kasar Nurul dari perniagaan itu bagi tahun taksiran 2018 tertakluk kepada perenggan 24(2)(a) ACP.

Contoh 3

T Sdn. Bhd. syarikat pengeluar televisyen, telah mengambil sebuah televisyen daripada stok perdagangannya dan ditempatkan di ruang lobi pejabat. Ini adalah sebahagian daripada kemudahan khidmat pelanggan dan strategi pemasaran.

T Sdn. Bhd. perlu mengambil kira televisyen tersebut sebagai pengambilan stok perdagangan yang digunakan dalam perniagaan. Nilai pasaran televisyen pada masa pengambilan diambil kira sebagai pendapatan kasar perniagaan bagi tahun taksiran berkenaan.

Nota

Televisyen tersebut adalah aset modal yang dimiliki oleh syarikat dan ia digunakan bagi tujuan perniagaan. Syarikat boleh menuntut elaun modal jika ia dimiliki dan digunakan pada akhir tempoh asas tahun taksiran berkenaan. Nilai pasaran televisyen tersebut pada masa pengambilannya bagi tahun taksiran berkenaan adalah diambil kira sebagai perbelanjaan yang layak.

5.2 Pengambilan stok perdagangan bagi kegunaan aktiviti perniagaan yang berlainan

(a) Aktiviti perniagaan yang berlainan

Seseorang boleh menjalankan dua aktiviti perniagaan yang berlainan dan memindahkan stok perdagangan daripada suatu aktiviti perniagaan kepada

suatu aktiviti perniagaannya yang lain. Apabila orang itu memindahkan stok perdagangan daripada suatu aktiviti perniagaan kepada yang lain, ini bermakna pada ketika itu beliau membuat pengambilan stok perdagangan untuk kegunaan aktiviti perniagaan miliknya yang lain. Pemindahan stok perdagangan antara dua aktiviti perniagaan yang berlainan bagi seseorang menunjukkan sebagai pemilik perdagangan, beliau telah memilih untuk melupuskan stok perdagangannya tanpa sebarang pelupusan komersial. Pengambilan stok perdagangan yang sedemikian bagi kegunaan aktiviti perniagaan yang lain akan diambil kira seolah-olah telah berlaku suatu transaksi jualan atau pembelian pada nilai pasaran.

Contoh 4

EE Sdn. Bhd. adalah pengeluar telur ayam menggunakan mesin automatik sepenuhnya dan memiliki beberapa ladang yang mana ayam dibiakkan bagi tujuan bertelur. Syarikat juga mempunyai tempat penetasan ayam yang menghasilkan anak ayam terutamanya untuk dijual pada umur baru lahir. Sebahagian daripada anak ayam dipindahkan ke ladang-ladang untuk dijadikan sebahagian daripada stok ladang.

Ladang ayam dan tempat penetasan ayam adalah dua perniagaan yang berlainan. Anak ayam adalah stok perdagangan bagi perniagaan penetasan ayam. Apabila anak ayam dipindahkan ke ladang, ini dikira sebagai pengambilan stok daripada aktiviti perniagaan penetasan kepada aktiviti perniagaan ladang ayam. Pengambilan stok daripada perniagaan penetasan ayam akan dinilai pada nilai pasaran dan dikira sebagai pendapatan kasar perniagaan itu.

(b) Pengkelasan semula

Pengambilan stok bagi kegunaan aktiviti perniagaan yang berlainan adalah termasuk pengkelasan semula daripada perdagangan kepada modal atau sebaliknya disebabkan oleh perubahan niat perniagaan. Apabila terdapatnya pengkelasan semula daripada perdagangan kepada modal, stok perdagangan adalah dinilai pada nilai pasaran. Begitu juga apabila terdapat perubahan daripada perdagangan kepada modal, aset modal dinilai pada nilai pasaran. Walau bagaimanapun, perubahan niat dan masa perubahan adalah persoalan fakta dan harus disokong dengan dokumen yang relevan bagi tujuan audit. Sebagai contoh, pemajuan harta tanah boleh memindahkan stok perdagangannya kepada aset tetap. Untuk maklumat lanjut berkenaan perkara ini, sila rujuk KU No. 1/2009 (Pindaan) bertajuk Pemajuan Harta.

6. Pengambilan Stok Perdagangan Atas Sebab-Sebab Lain

6.1 Stok perdagangan diambil atas sebab-sebab lain

Jika seseorang mengambil stok perdagangan dari perniagaannya (selain daripada pengambilan secara wajib atau secara paksaan atau dengan satu cara seumpamanya) -

- (a) tanpa apa-apa balasan diterima; atau
- (b) dengan balasan terdiri daripada:
 - i. apa-apa harta yang bukan satu hutang yang masih belum dijelaskan kepada orang berkenaan atau satu jumlah wang tunai atau nilai bersamaan tunai;
 - ii. apa-apa harta berserta satu hutang yang masih belum dijelaskan kepada orang berkenaan atau apa-apa jumlah wang tunai; atau
 - iii. apa-apa harta berserta satu hutang yang masih belum dijelaskan kepada orang berkenaan dan apa-apa jumlah wang tunai.

maka, nilai pasaran stok perdagangan pada masa pengambilannya akan diambil kira sebagai pendapatan kasar orang berkenaan daripada perniagaan tersebut bagi tempoh berkenaan.

6.2 Pengambilan stok perdagangan tanpa apa-apa balasan diterima

Jika mana-mana stok perdagangan daripada suatu perniagaan orang yang berkenaan diambil, (selain pengambilan secara wajib atau pengambilan secara paksaan atau dengan suatu cara seumpamanya), tanpa sebarang balasan diterima, nilai pasaran pada masa ambilan stok perdagangan tersebut adalah diambil kira sebagai pendapatan kasar daripada perniagaan bagi tahun taksiran berkenaan.

Contoh 5

Fakta yang sama seperti di **Contoh 2** melainkan Nurul telah mendermakan kain batik yang diambil dari stok perdagangannya kepada suatu penganjur acara amal sebagai salah satu hadiah cabutan bertuah.

Layanan cukai bagi stok perdagangan yang diambil untuk tujuan didermakan adalah sama seperti yang dijelaskan di **Contoh 2**.

6.3 Pengambilan stok perdagangan dengan balasan terdiri daripada apa-apa harta yang bukan menjadi hutang yang terhutang kepada orang yang berkenaan atau satu jumlah wang tunai atau bersamaan dengan tunai.

Jika apa-apa stok perdagangan daripada suatu perniagaan orang yang berkenaan diambil bagi suatu balasan terdiri daripada apa-apa harta yang bukan menjadi

hutang yang terhutang kepada orang berkenaan atau satu jumlah wang tunai atau bersamaan dengan tunai, nilai pasaran stok perdagangan tersebut pada masa ambilan hendaklah diambil kira sebagai pendapatan kasar daripada perniagaan bagi tahun taksiran yang berkenaan.

Dengan erti kata lain, jika stok perdagangan diambil bagi suatu balasan yang terdiri daripada apa-apa harta yang tidak mudah untuk dianggarkan, nilai pasaran stok perdagangan tersebut pada masa ambilan adalah diambil kira sebagai pendapatan kasar daripada perniagaan bagi tahun taksiran yang berkenaan.

Contoh 6

Adrian adalah pemilik tunggal dalam perniagaan kereta terpakai. Pada 1.9.2018, Adrian telah mengimport sepuluh (10) kereta yang dibaik pulih (*reconditioned*) daripada Jepun untuk dijual di Malaysia. Pada tarikh tersebut, Adrian mengambil satu (1) daripada kereta-kereta import tersebut yang mempunyai nilai pasaran sebanyak RM150,000 dan memberikannya kepada Damia, seorang artis sebagai balasan kepada penerimaan koleksi lukisan beliau. Nilai lukisan tersebut tidak mudah untuk dianggarkan.

Dalam kes ini, Adrian hendaklah mengambil kira nilai pasaran kereta itu iaitu sebanyak RM150,000 pada masa ia diambil iaitu pada 1.9.2018 sebagai pendapatan kasar perniagaan bagi tahun taksiran 2018.

- 6.4 Pengambilan stok perdagangan atas sebab lain dengan balasan terdiri daripada harta berserta hutang yang terhutang kepada orang berkenaan atau/ dan apa-apa jumlah wang tunai tersebut.

Jika seseorang mengambil stok perdagangannya sebagai balasan kepada harta berserta hutang atau/ dan apa-apa jumlah wang tunai tersebut, maka nilai pasaran bagi stok perdagangan tersebut pada masa pengambilan hendaklah dianggap sebagai pendapatan kasar orang berkenaan daripada perniagaan dalam tempoh berkenaan (sila rujuk **Contoh 7**).

- 6.5 Nilai pasaran dikurangkan dalam keadaan tertentu

Nilai pasaran stok perdagangan boleh dikurangkan dalam keadaan tertentu. Sekiranya stok perdagangan diambil oleh orang berkenaan dan balasannya adalah terdiri dari harta berserta hutang atau/ dan apa-apa jumlah wang tunai tersebut, nilai pasaran stok perdagangan tersebut boleh dikurangkan dengan:

- (a) amaun hutang atau jumlah wang tunai; atau
- (b) amaun hutang dan jumlah wang tunai.

[Perenggan 24(3)(a) dan subperenggan 24(2)(b)(ii) dan (iii) ACP]

Layanan cukai atas amaun hutang atau/ dan jumlah wang tunai dan harta adalah seperti berikut:

- (a) Amaun hutang adalah hutang perdagangan dan boleh dikenakan cukai apabila stok perdagangan itu diambil [subseksyen 24(1) dan perenggan 24(3)(b) ACP];
- (b) Jumlah wang tunai boleh dikenakan cukai pada masa ia diterima [perenggan 24(3)(c) dan seksyen 28 ACP]; dan
- (c) Bakinya akan dikenakan cukai pada masa stok diambil daripada perniagaan [subseksyen 24(2) ACP].

Contoh 7

Boon, mengendalikan Boon Mart sebagai pemilik tunggal. Boon mengeluarkan stok perdagangan daripada perniagaannya yang mempunyai nilai pasaran bernilai RM3,000 pada 1.6.2018 untuk diberikan kepada jirannya. Pengambilan stok perdagangan tersebut telah mewujudkan hutang sebanyak RM1,000 dan wang tunai berjumlah RM1,500.

Mengikut subseksyen 24(3) ACP –

- (a) Hutang berjumlah RM1,000 adalah hutang perdagangan yang perlu di ambil kira sebagai pendapatan kasar daripada suatu perniagaan mengikut subseksyen 24(1) ACP;
- (b) Wang tunai berjumlah RM1,500 hendaklah diambil kira sebagai pendapatan kasar daripada suatu punca mengikut seksyen 28 ACP; dan
- (c) Baki sebanyak RM500 adalah nilai stok perdagangan yang dikira sebagai pendapatan kasar daripada perniagaan pada masa stok perdagangan tersebut diambil mengikut subseksyen 24(2) ACP.

7. Stok Perdagangan Diambil Secara Paksaan

Berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2014, seksyen 4C ACP telah diperkenalkan yang memperuntukkan bahawa laba atau keuntungan daripada perniagaan hendaklah termasuk amaun yang boleh diterima daripada stok perdagangan yang dilupus secara paksaan yang termasuk pengambilan secara wajib atau paksaan atau dengan satu cara yang seumpamanya. Amaun yang boleh diterima akan diambil kira sebagai pendapatan kasar bagi perniagaan tersebut dalam tahun di mana stok perdagangan tersebut diambil secara paksaan.

Stok perdagangan terdiri daripada barangan boleh alih dan tidak boleh alih. Dalam kes perniagaan pemajuan harta, yang mana tanah adalah stok perdagangan, mulai tahun taksiran 2014, apa-apa pampasan yang diterima bagi pengambilan tanah secara paksaan adalah diambil kira sebagai pendapatan kasar perniagaan di bawah perenggan 4(a) ACP bagi tempoh berkenaan.

8. Kemas Kini Dan Pindaan

KU No. 4/2006 bertajuk Penilaian Stok Perdagangan dan Kerja Dalam Proses Bahagian 1 telah dipinda, dikemaskini, ditulis semula, disusun dan diterbitkan dalam dua bahagian seperti berikut:

- (a) KU No. 2/2020 bertajuk Layanan Cukai Atas Stok Perdagangan Bahagian 1 – Penilaian Stok ; dan
- (b) KU No. 3/2020 bertajuk Layanan Cukai Stok Perdagangan Bahagian II – Pengambilan Stok

Kedua-dua KU di atas hendaklah dibaca bersama.

9. Penafian

Contoh-contoh di dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**